



AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA
KEMENTERIAN DALAM NEGERI



KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA:

NO. SEBUT HARGA : APMM/PB/05/2024

TAJUK SEBUT HARGA : SEBUT HARGA KERJA-KERJA PEMBAIKAN, PENYELENGGARAAN DAN MENGECAT BANGUNAN DAN JETI BAGI REMOTE SENSOR SITE KEMARONG (RSS KEMARONG), LANGKAWI, KEDAH DI AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA (APMM).

Sebut harga adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB), dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK), memegang Sijil Taraf Bumiputra (STB) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang masih sah dalam kod bidang seperti di bawah bagi menyertai sebut harga berikut:-

KOD BIDANG PENDAFTARAN	BUTIR-BUTIR TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK	TARIKH & MASA TUTUP SEBUT HARGA	TEMPAT SERAHAN DOKUMEN SEBUT HARGA
Gred G2 Kategori B Pembinaan Bangunan pengkhususan B14 (Kerja-Kerja Cat) Dan B24 (Kerja Penyelenggaraan Bangunan) DAN Beralamat/Berdaftar di Negeri Kedah sahaja dibenarkan menyertai kerja- kerja sebut harga ini.	Tempat Taklimat : Ibu Pejabat Maritim Negeri Kedah & Perlis, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Kementerian Dalam Negeri, Plot 1445, Jalan Bukit Malut, 07000 Bukit Malut, Langkawi, Kedah. Tarikh : 05 Februari 2024 Hari : Isnin Masa : 10.30 Pagi Kehadiran WAJIB	<u>Tarikh tutup sebut harga:</u> Tarikh : 19 Februari 2024 Hari : Isnin Masa : Sebelum jam 12.00 PM Dokumen sebut harga yang dihantar selepas jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup sebut harga tidak akan dipertimbangkan	Peti Sebut harga : Ibu Pejabat Maritim Negeri Kedah & Perlis, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Kementerian Dalam Negeri, Plot 1445, Jalan Bukit Malut, 07000 Bukit Malut, Langkawi, Kedah. Dokumen sebut harga dalam bentuk (Salinan cetak) yang telah diisi dengan lengkap perlu dihantar secara manual dan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermetri dengan nombor sebut harga APMM/PB/05/2024

- Taklimat dan lawatan ke tapak projek adalah **DIWAJIBKAN** kepada semua kontraktor yang berminat dengan kerja yang akan ditawarkan seperti di atas.
- Kebenaran khas adalah tidak dibenarkan.
- Hanya **Penama** di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan CIDB sahaja boleh menghadiri lawatan tapak dan taklimat Sebut harga. Hanya kontraktor yang menyertai taklimat dan lawatan tapak sahaja layak untuk dipertimbangkan untuk diterima.
- Kontraktor dikehendaki membawa bersama sijil asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Perakuan Pendaftaran CIDB yang masih berkuatkuasa semasa pendaftaran dan lawatan tapak untuk sebut harga ini. Jika tempoh telah tamat pihak kontraktor tidak dibenarkan untuk menyertai sebut harga.
- Borang/Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi setelah penyebutharga berdaftar di Bahagian Pembangunan, Tingkat 7, One IOI Square, IOI Resort, 62502 Putrajaya dari tarikh **05 Februari 2024 hingga 19 Februari 2024**.
- Kontraktor yang mempunyai kelayakan dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh **AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA** sahaja yang **layak** untuk dipertimbangkan.

Tandatangan

Nama : **LAKSAMANA PERTAMA MARITIM
ZULINDA BINTI HAJI RAMLY**
Jawatan : **Pengarah Bahagian Pembangunan
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
Kementerian Dalam Negeri**
Tarikh : **30 / 01 / 2024**